

● Tidak boleh beri pandangan ● Dikatakan alat UMNO

Tutup sahaja IPT - Ahli akademik

Oleh **MOHAMMED SOFIAN BAHAROM**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 25 Jan. - "Kalau ahli akademik tidak boleh memberi pandangan, lebih baik tutup sahaja institusi pengajian tinggi (IPT)."

Demikian reaksi Profesor Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Datuk Dr. Ramlah Adam berhubung kenyataan Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Azmin Ali yang menyifatkan beliau sebagai alat UMNO.

Kata Ramlah, ahli politik sepatut-



RAMLAH ADAM



KHOO KAY KIM

nya tidak 'mengheret' ahli akademik kerana pandangan golongan tersebut

adalah berdasarkan fakta dan kajian mereka.

Tambahnya, ahli akademik merupakan sumber pendapat yang boleh dipercayai kerana ia berteraskan pemerhatian dan kajian secara intelektual menggunakan dokumen-dokumen yang sah.

"Jika pandangan kami selaras dengan perjuangan mana-mana parti politik, ia hanya

lah kebetulan kerana kami tidak menyebelahi mana-mana pihak.

"Anggap sahaja kami sebagai sumber pendapat sudut ketiga," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Azmin ketika membahaskan usul pindaan Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor semalam telah membidas Ramlah dengan menyifatkannya sebagai 'profesor kangkung' kerana selalu memutarbelitkan sejarah.

Sementara itu, Ramlah berkata, Azmin tidak boleh menyempitkan peranan ahli akademik semata-mata untuk kepentingan politiknya.

"Justeru, saya harap peranan ahli-ahli akademik tidak akan dipersoalkan lagi oleh mana-mana pihak

yang tidak bertanggungjawab," ujarnya.

Sementara itu, tokoh akademik, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim berkata, ahli politik tidak boleh membuat kenyataan mengenai aspek sejarah kerana mereka bukan seorang pengkaji sejarah yang serius.

Tambahnya, ahli-ahli sejarah sepatutnya mampu menafsir jika seseorang mahir bercakap tentang sejarah ataupun tidak.

"Kenyataan Azmin bagaimanapun membuktikan bahawa beliau tidak memahami sejarah dan hanya menggunakan ilmu tersebut untuk kepentingannya sahaja," katanya.